

BAB EMPAT

PENENTU MIGRASI

4.1 Pendahuluan

Mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong berlakunya migrasi adalah penting bagi memastikan keberkesanan polisi dan program yang telah dirangka. Dengan mengetahui sebab-sebab ini, keputusan mengenai pembangunan negara dari segi ekonomi dan sosial dapat ditentukan. Selain itu perancangan mengenai sumber manusia juga dapat dilakukan bagi memastikan negara mempunyai tenaga kerja yang mencukupi dan pergantungan ke atas buruh asing dikurangkan.

Terdapat pelbagai teori, pendekatan dan model mengenai faktor-faktor yang menyebabkan migrasi berlaku. Keputusan untuk berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya ialah:

- i faktor demografi seperti umur, jantina, pendidikan, bangsa, saiz dan komposisi isirumah;
- ii faktor geografi seperti jarak;
- iii faktor sosio-psikologi seperti ingin mendapatkan keselesaan hidup (the bright-light effects); dan
- iv faktor ekonomi seperti tingkat upah dan pendapatan yang lumayan.

Ravenstein (1885 dan 1889) dalam Hukum Migrasi (Law of Migration) menganjurkan bahawa para migran cenderung untuk berpindah ke kawasan yang menawarkan pelbagai peluang berbanding kawasan yang menawarkan peluang yang rendah.

Teori terkemuka mengenai faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya migrasi telah dikemukakan oleh Lee (1966). Beliau membahagikan faktor-faktor ini kepada faktor tolak dan faktor tarik (push-pull factors). Faktor tolak adalah faktor yang menyebabkan para migran cenderung untuk meninggalkan tempat asal mereka. Manakala faktor tarik adalah faktor positif yang mempengaruhi migran untuk berpindah ke tempat yang dituju.

Di kebanyakan negara sedang membangun, kemiskinan yang dicirikan oleh tingkat pendapatan dan produktiviti yang rendah serta kurangnya peluang pekerjaan, telah menyebabkan ramai di kalangan rakyatnya berpindah ke tempat yang menawarkan pelbagai peluang pekerjaan. Penjelasan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya migrasi di Malaysia dapat diterangkan dengan meneliti kajian kes berikut.

4.2 Kajian Kes: Kemasukan Pekerja Asing Indonesia

4.2.1 Latar Belakang Negara

Terletak di rantau Asia Tenggara, Indonesia merupakan negara yang ke empat mempunyai penduduk paling ramai di dunia selepas China, India dan Amerika Syarikat.

Pada tahun 2002, penduduk Indonesia berjumlah seramai 211.7 juta orang. Purata pertumbuhan penduduk antara tahun 1996 – 2002 ialah pada kadar 1.3 peratus setahun. Jumlah penduduk Indonesia mengikut wilayah ditunjukkan dalam Jadual 4.1 di bawah.

Jadual 4.1: Jumlah Penduduk Indonesia Mengikut Wilayah Pada Tahun 1971, 1980, 1990, 1995 dan 2000

Wilayah	Penduduk				
	1971	1980	1990	1995	2000
Nanggroe Aceh					
Darussalam	2,008,595	2,611,271	3,416,156	3,847,583	3,930,905
Sumatera Utara	6,621,831	8,360,894	10,256,027	11,114,667	11,649,655
Sumatera Barat	2,793,196	3,406,816	4,000,207	4,323,170	4,248,931
Riau	1,641,545	2,168,535	3,303,976	3,900,534	4,957,627
Jambi	1,006,084	1,445,994	2,020,568	2,369,959	2,413,846
Sumatera Selatan	3,440,573	4,629,801	6,313,074	7,207,545	6,899,675
Bengkulu	519,316	768,064	1,179,122	1,409,117	1,567,432
Lampung	2,777,008	4,624,785	6,017,573	6,657,759	6,741,439
Kep. Bangka					
Belitung	-	-	-	-	900,197
DKI Jakarta	4,579,303	6,503,449	8,259,266	9,112,652	8,389,443
Jawa Barat	21,623,529	27,453,525	35,384,352	39,206,787	35,729,537
Jawa Tengah	21,877,136	25,372,889	28,520,643	29,653,266	31,228,940
DI Yogyakarta	2,489,360	2,750,813	2,913,054	2,916,779	3,122,268
Jawa Timur	25,516,999	29,188,852	32,503,991	33,844,002	34,783,640
Banten	-	-	-	-	8,098,780

Jadual 4.1: Sambungan

Wilayah	Penduduk				
	1971	1980	1990	1995	2000
Bali	2,120,322	2,469,930	2,777,811	2,895,649	3,151,162
Nusa Tenggara					
Barat	2,203,465	2,724,664	3,369,649	3,645,713	4,009,261
Nusa Tenggara					
Timur	2,295,287	2,737,166	3,268,644	3,577,472	3,952,279
Kalimantan Barat	2,019,936	2,486,068	3,229,153	3,635,730	4,034,198
Kalimantan Tengah	701,936	954,353	1,396,486	1,627,453	1,857,000
Kalimantan Selatan	1,699,105	2,064,649	2,597,572	2,893,477	2,985,240
Kalimantan Timur	733,797	1,218,016	1,876,663	2,314,183	2,455,120
Sulawesi Utara	1,718,543	2,115,384	2,478,119	2,649,093	2,012,098
Sulawesi Tengah	913,662	1,289,635	1,711,327	1,938,071	2,218,435
Sulawesi Selatan	5,180,576	6,062,212	6,981,646	7,558,368	8,059,627
Sulawesi Tenggara	714,12	942,302	1,349,619	1,586,917	1,821,284
Gorontalo	-	-	-	-	835,044
Maluku	1,089,565	1,411,006	1,857,790	2,086,516	1,205,539
Maluku Utara	-	-	-	-	785,059
Papua	923,44	1,173,875	1,648,708	1,942,627	2,220,934
INDONESIA	119,208,229	147,490,298	179,378,946	194,754,808	206,264,595

Sumber: 1971, 1980, 1990, 2000 Population Census, and 1995 Intercensal Population Census.

Indonesia merupakan negara pengeksport tenaga buruh yang paling aktif di rantau Asia Tenggara. Antara tahun 1979-1984 (Repelita III) seramai 96,410 pekerja Indonesia bekerja di luar negara. Angka ini meningkat dua kali ganda antara tahun 1984-1989 (Repelita IV). Perbezaan ini ditunjukkan dalam Jadual 4.2 di bawah.

Jadual 4.2: Pekerja Indonesia Di Luar Negara Sejak Repelita I – Repelita V

Repelita	Tempoh	Jumlah Pekerja	Peratus (%)
Repelita I	1969-1974	5,624	0.5
Repelita II	1974-1979	17,042	1.6
Repelita III	1979-1984	96,410	9.1
Repelita IV	1984-1989	292,262	27.5
Repelita V	1989-1994	652,272	61.3
Jumlah		1,063,610	100.0

Sumber: Departmen Tenaga Kerja, Direktorat Jasa Tenaga Kerja Luar Negeri, “Perkembangan Program Eksport Jasa Tenaga Kerja” pada Repelita IV dan Repelita V dalam M. Arif Nasution, 2001.

Sekiranya pekerja yang tidak berdaftar diambil kira angka ini adalah jauh lebih ramai. Pekerja-pekerja ini cenderung untuk bekerja di negara-negara yang berjiran dengan Indonesia seperti di Malaysia dan Indonesia. Bilangan pekerja mengikut negara destinasi ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3: Pekerja Indonesia Di Luar Negara Sejak Repelita I – Repelita V

Negara	Repelita IV (1984 – 1989)		Repelita V (1989 – 1994)	
	(N)	(%)	(N)	(%)
Australia	7	0.0024	213	0.0326
Belanda	4,357	1.4902	5,515	0.8445
Belgium	3	0.0010	38	0.0058
Brunei	920	0.3147	10,205	1.5626
Cyprus	1	0.0003	34	0.0052
Emirah Arab Bersatu	1,109	0.3793	2,323	0.3557
Hong Kong	1,735	0.5934	5,304	0.8122
India	-	-	11	0.0017
United Kingdom	77	0.0263	310	0.0475
Iraq	303	0.1036	-	-
Italy	25	0.0086	114	0.0175
Jepun	395	0.1351	4,913	0.7523
Jerman	148	0.0506	613	0.0939
Kanada	-	-	43	0.0066
Korea Selatan	-	-	4,369	0.6690
Kuwait	952	0.3256	3,004	0.4600
Malaysia	37,785	12.9233	156,312	23.9346
Mesir	36	0.0123	352	0.0539
Monaco	859	0.2938	1,365	0.2090
Norway	35	0.0120	231	0.0354
Oman	56	0.0198	12	0.0018
Perancis	1,018	0.3483	929	0.1268
Filipina	9	0.0031	26	0.0040
Portugal	3	0.0010	1	0.0002
Qatar	-	-	42	0.0064
Romania	16	0.0055	4	0.0006
Arab Saudi	223,573	76.4668	384,822	58.9241
Singapura	10,573	3.6162	48,896	7.4870
Sepanyol	6	0.0021	73	0.0112
Surinam	53	0.0181	14	0.0021
Sweden	-	-	7	0.0011
Switzerland	6	0.0021	48	0.0073
Taiwan	178	0.0609	7,888	1.2078
Thailand	53	0.0181	14	0.0021
Amerika	6,897	2.3589	13,996	2.1431
Greece	971	0.3321	917	0.1404
Lain-lain	227	0.0750	224	0.0343
Jumlah	292,315	100.0000	652,218	100.0000

Sumber: Departmen Tenaga Kerja, Direktorat Jasa Tenaga Kerja Luar Negeri, “Perkembangan Program Eksport Jasa Tenaga Kerja” pada Repelita IV dan Repelita V dalam M. Arif Nasution, 2001.

4.2.2 Latar Belakang Masyarakat

Rakyat Indonesia dan Malaysia mempunyai banyak persamaan dari segi paras rupa, bahasa, budaya dan agama. Bahasa pertuturan masyarakat Indonesia, jika tidak dapat difahami sepenuhnya, sekurang-kurangnya dapat difahami oleh rakyat Malaysia. Ini memudahkan lagi komunikasi di antara kedua-dua masyarakat. Selain itu, Malaysia dan Indonesia turut mewarisi seni dan budaya yang sama yang diperakui oleh penemuan-penemuan sejarah. Majoriti masyarakat Indonesia dan Malaysia juga turut menganuti agama yang sama iaitu Islam. Dari kenyataan di atas, tidak hairanlah kebanyakan dari pendatang asing yang datang ke Malaysia terdiri daripada rakyat Indonesia.

Kebanyakan rakyat Indonesia yang datang ke Malaysia berasal dari kawasan luar bandar. Kajian yang dilakukan ke atas seramai 300 orang pekerja asing dari Bangladesh, Indonesia dan Filipina dalam sektor pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan domestik mendapati dari 95 orang pekerja Indonesia, seramai 69 orang berasal dari kawasan luar bandar.

Sumber dari kedutaan Indonesia melaporkan, pada tahun 1992 seramai 2,720 pendatang tanpa izin Indonesia telah berdaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia. Dari jumlah ini, 70.2 peratus (1,909 orang) berasal dari Kepulauan Jawa, terutamanya dari Jawa Timur (926 orang) dan Jawa Tengah (620 orang). Kawasan-kawasan asal yang lain ditunjukkan seperti dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4: Migran Indonesia di Malaysia Mengikut Tempat Lahir

Tempat Lahir	Jumlah Migran (N)	Peratus (%)
Jawa	1,909	70.2
Jawa Timur	926	34.1
Jawa Tengah	620	22.7
Jawa Barat	117	4.3
Yogyakarta	246	9.1
Sumatera	272	10.0
Sumatera Utara	192	7.1
Sumatera Barat	80	2.9
Nusa Tenggara	343	12.5
Nusa Tenggara Barat	195	7.2
Nusa Tenggara Timur	148	5.4
Bali	196	7.3
Jumlah	2,720	100.0

Sumber: M. Arif Nasution (2001).

Sebelum datang ke Malaysia, rakyat Indonesia melakukan pelbagai jenis kerja yang tidak memerlukan tahap kemahiran yang tinggi dan menerima upah yang rendah. Kajian yang dilakukan oleh M. Arif Nasution (2001) ke atas 300 orang pekerja Indonesia yang bekerja di sektor pembinaan di Malaysia mendapati, sebelum datang ke Malaysia, 29 peratus daripada pekerja di atas merupakan buruh tani, 32 peratus bekerja secara sambilan, 26

peratus bekerja sebagai tukang rumah dan 14 peratus merupakan petani. Pecahan ini ditunjukkan dalam Jadual 4.5

Jadual 4.5: Jenis Pekerjaan Migran Ketika Masih Berada di Indonesia

Jenis Pekerjaan	Jumlah Pekerja (N)	Peratus (%)
Petani	14	9.5
Pedagang	9	6.1
Tukang Beca	8	5.4
Pegawai Negeri	1	0.7
Nelayan	3	8.8
Pemandu	2	1.4
Buruh tani	43	29.1
Pekerja sambilan	32	21.6
Tukang rumah	26	17.6
Jumlah	300	100.0

Sumber: M. Arif Nasution (2001).

Tahap upah yang rendah juga menyebabkan mereka ini mengambil keputusan untuk berhijrah ke Malaysia. Dari seramai 149 orang responden, 49 orang menerima purata pendapatan antara Rp110,000 – Rp130,000. Hanya 9 orang sahaja yang menerima purata pendapatan di antara Rp230,000 – Rp250,000. Keadaan ini diterangkan dalam Jadual 4.6.

Jadual 4.6: Tingkat Pendapatan Migran Setiap Bulan Ketika Masih di Indonesia

Pendapatan	Jumlah Pekerja (N)	Peratus (%)
Rp80,000 – Rp100,000	32	21.5
Rp110,000 – Rp130,000	49	32.9
Rp140,000 – Rp160,000	28	18.8
Rp170,000 – Rp190,000	15	10.1
Rp200,000 – Rp220,000	16	10.7
Rp230,000 – Rp250,000	9	6.0
Jumlah	49	100.00

Sumber: M. Arif Nasution (2001).

4.2.3 Selektiviti Migrasi

Bukan semua orang terlibat dalam proses migrasi. Hanya sebilangan dari kalangan penduduk di sesebuah negara mengambil keputusan untuk bermigrasi. Oleh itu migrasi adalah bersifat “selective”. Mengikut pendekatan ini, penduduk yang berada dalam lingkungan umur yang tertentu cenderung untuk bermigrasi. Keinginan untuk mencapai cita-cita, desakan hidup dan ketiadaan tanggungan/komitmen yang perlu diberi perhatian, menyebabkan ramai dari golongan muda mengambil keputusan untuk berpindah ke tempat yang boleh menjamin mutu kehidupan mereka.

Golongan muda dalam lingkungan umur 20 – 29 tahun adalah golongan yang paling aktif melakukan migrasi di Amerika Syarikat (Weeks, 1999). Keadaan yang sama juga berlaku di Indonesia. Kajian ke atas seramai 101 migran yang pulang ke Indonesia (return migrants) di Jawa Timur dan Wilayah Selatan Nusatenggara mendapati 56.3 peratus dari 48 responden berumur di antara 30 – 40 tahun. Manakala 22.9 peratus responden berumur kurang dari 30 tahun (Carunia Mulya Firdausy, 1996). Jadual 4.7 di bawah menerangkan keadaan ini.

Jadual 4.7: Pecahan Isi Rumah Migran Mengikut Kumpulan Umur

Kumpulan Umur	Jawa Timur	Nusa Tenggara Barat	Jumlah
	N = 48	N = 53	N = 101
<30	22.9	24.5	23.8
30 – 40	56.3	62.2	59.4
40 – 50	20.8	13.2	16.8
>50	0.0	0.0	0.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Sumber: Carunia Mulya Firdausy (1996).

Selain itu pendekatan ini juga turut menganjurkan bahawa status perkahwinan, jumlah tanggungan dan pendidikan turut menjadi penentu yang menyebabkan berlakunya migrasi. Golongan yang masih belum berkahwin, bercerai dan balu cenderung untuk berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Bebas dari sebarang tanggungan dan lebih “mobile” dari golongan lain menyebabkan ramai penduduk yang belum

berkahwin melakukan migrasi. Bagi mereka yang sudah berkahwin, kecenderungan untuk melakukan migrasi adalah tinggi sekiranya mereka mempunyai jumlah tanggungan yang kecil dan mempunyai anak yang masih kecil (Weeks, 1999). Tetapi ada juga pendapat yang menyatakan bahawa demi menyara dan rasa tanggungjawab yang tinggi bagi meningkatkan mutu hidup, maka ramai di kalangan penduduk di sesebuah tempat melakukan migrasi. Keadaan ini dapat dibuktikan dalam kes pekerja Indonesia yang datang ke Malaysia. Kebanyakan dari pekerja Indonesia yang datang ke Malaysia adalah terdiri daripada mereka yang sudah berkahwin dan mempunyai jumlah tanggungan yang ramai. Kajian M. Arif Nasution (2001) mendapati bahawa seramai 201 orang pekerja dari 300 orang adalah terdiri daripada mereka yang sudah berkahwin. Manakala 92 orang daripada jumlah tersebut belum berkahwin. 97 orang yang sudah berkahwin mempunyai jumlah tanggungan di antara 5 – 6 orang.

Tahap pendidikan seseorang migran juga turut menentukan hala tuju para migran. Migrasi cenderung untuk meningkat apabila seseorang migran itu mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Dalam kes pekerja Indonesia di Malaysia, 36 orang dari 97 pekerja yang dikaji selidik merupakan mereka yang lulus pengajian di peringkat kolej/politeknik. Hanya 4 orang pekerja sahaja merupakan lulusan universiti (Moha Asri et. al., 1999).

Antara faktor penentu yang penting dalam menentukan corak migrasi ialah faktor gender. Lazimnya migrasi didominasi oleh kaum lelaki. Dalam masyarakat tradisional, kaum lelaki memainkan peranan penting bagi menyara kaum keluarga, walaupun terpaksa

merantau jauh. Namun begitu keadaan telah banyak berubah. Kaum wanita telah diberi hak yang sama rata dan bebas memilih hala tuju kehidupan mereka. Bagi kes “return migrants” dari Jawa Timur dan Nusa Tenggara Barat, 58.3 peratus dari para migran adalah lelaki. Manakala 41.7 peratus adalah terdiri daripada perempuan.

4.2.4 Sebab-sebab Migrasi

Manusia mempunyai alasan dan tujuan tertentu meninggalkan kampung halaman mereka untuk ke destinasi tujuan mereka. Destinasi pilihan mereka sudah tentunya ke tempat yang lebih baik dari tempat asal mereka. Tempat-tempat ini menawarkan pelbagai peluang yang boleh meningkatkan dan menjamin mutu kehidupan mereka. Kejayaan sahabat handai membawa pulang pelbagai jenis kekayaan menguatkan lagi keinginan mereka untuk bermigrasi.

i. Sebab-sebab meninggalkan tempat asal – Faktor Tolak

Faktor yang sering menjadi alasan dan sebab kenapa seseorang migran itu mengambil keputusan untuk bermigrasi ialah faktor ekonomi. Tingkat pendapatan yang rendah di negara asal, ditambah pula dengan kadar kemiskinan dan pengangguran yang tinggi serta ketidakstabilan politik adalah di antara faktor yang menolak para migran keluar dari negara asal mereka.

Kajian yang dilakukan ke atas seramai 300 pekerja Indonesia yang bekerja di sektor pembinaan di Malaysia mendapati sebab utama mereka melakukan migrasi ialah kerana kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan di negara sendiri. 78 orang dari jumlah ini menyatakan keinginan untuk mendapatkan upah yang tinggi menyebabkan mereka berpindah. Hanya 41 orang sahaja memberikan sebab untuk mencari pengalaman bekerja (M. Arif Nasution, 2001). Keadaan ini diterangkan dalam Jadual 4.8 di bawah.

Jadual 4.8: Alasan Migran Paling Utama Meninggalkan Kampung Halaman

Sebab	Jumlah Pekerja (N)	Peratus (%)
Sukar mendapat pekerjaan	145	48.3
Mendapat upah yang tinggi	78	26.0
Mengikut keluarga	36	2.0
Mencari pengalaman	41	13.7
Jumlah	300	100.0

Sumber: M. Arif Nasution (2001).

Selain itu keadaan ekonomi keluarga turut menjadi penentu migrasi para pekerja dari Indonesia. Kajian yang dilakukan ke atas pekerja wanita dari Jawa Timur yang bekerja di negara asing mendapati tahap pendapatan keluarga dan tahap pendidikan yang rendah menjadi pendorong utama mereka keluar dari negara asal mencari pekerjaan yang memberikan pulangan yang lebih lumayan (Carunia Mulya Firdausy, 1996).

Dalam kajiannya ke atas 101 “return migrants” yang berasal dari Jawa Timur, Carunia Mulya Firdausy (1996) mendapati sebab utama migrasi berlaku ialah atas sebab-sebab ekonomi. Jadual 4.9 menunjukkan faktor untuk mendapatkan gaji yang tinggi merupakan sebab utama mereka bekerja di luar negara. Manakala 25.7 peratus memberikan alasan bahawa mereka bekerja atas ajakan kawan atau saudara mara.

Jadual 4.9: Pecahan Isirumah Migran Mengikut Alasan Bermigrasi

Alasan Bekerja di Luar Negara	Jawa Timur N = 48	Nusa Tenggara Barat N = 53	Jumlah N = 101
Upah tinggi	56.2	58.5	57.4
Saudara bekerja di luar negara	1.3	15.1	13.9
Ajakan kawan atau saudara	31.5	20.8	25.7
Lain-lain	0.0	5.7	3.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Sumber: Carunia Mulya Firdausy (1996).

ii. Sebab-sebab memilih Malaysia sebagai destinasi utama – Faktor Tarik

Di antara faktor yang menarik minat pekerja asing datang bekerja di Malaysia ialah kerana pembangunan ekonomi negara yang pesat. Pertumbuhan ekonomi negara yang tinggi menyebabkan permintaan terhadap buruh juga turut meningkat. Sektor-sektor seperti perladangan, pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan domestik merupakan

sektor ekonomi yang berintensifkan buruh. Kekurangan tenaga buruh tempatan menyebabkan ramai dari kalangan buruh luar negara di bawa masuk. Selain itu keadaan politik negara yang stabil dan keadaan negara yang aman dan harmoni menjadikan Malaysia destinasi tumpuan utama.

M. Arif Nasution (2001) dalam kajiannya mendapati di antara sebab-sebab Malaysia dipilih sebagai destinasi utama para migran dari Indonesia ialah kerana atas arahan ahli keluarga. Selain itu keadaan ekonomi Malaysia yang stabil menyebabkan wujudnya banyak peluang-peluang pekerjaan yang boleh diceburi oleh pekerja-pekerja ini. Hanya 4.4 peratus dari golongan ini memilih Malaysia atas sebab persamaan dari segi budaya dan agama.

Tidak dapat dinafikan peranan agensi-agensi pekerjaan yang bertanggungjawab membawa masuk pekerja asing adalah amat penting. Agen-agen inilah yang bertanggungjawab memberikan maklumat mengenai tempat yang akan dituju oleh para migran. Bagi pendatang yang masuk secara haram, hanya dengan bantuan tekong-tekong inilah yang memudahkan urusan perjalanan masuk mereka. Tekong-tekong ini mempunyai maklumat yang lengkap dan mahir tentang selok-belok negara destinasi. Kebanyakan pekerja Indonesia yang datang ke Malaysia masuk secara berkumpulan. Kajian yang dilakukan oleh Moha Asri et. al. (1999) mendapati 83 dari 100 orang pekerja masuk ke Malaysia secara berkumpulan. Hanya segelintir sahaja yang masuk secara bersendirian dan mengikut kaum keluarga.